

Perkongasian tulen: MGUT sokong syor PM

BH 22 JUN 2000
Oleh Nur Lina Rasol

MAJLIS Galakan Usaha “

Sama Tulen (MGUT) menyokong penuh saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pentingnya perkongasian tulen di antara peniaga Bumiputera dan bukan Bumiputera di negara ini.

Pengerusi MGUT, Datuk Abdul Rahman Maidin, berkata perkongasian tulen akan memberi peluang kepada Bumiputera memainkan fungsi lebih bermakna, di samping menimba pengalaman serta kemahiran daripada rakan kongsi bukan Bumiputera.

“Konsep perniagaan ‘Ali Baba’ seharusnya tidak wujud dalam suasana ekonomi global kerana sifatnya yang sementara selain menyebabkan proses pembelajaran terhenti,” kata-

Konsep perniagaan ‘Ali Baba’ seharusnya tidak wujud dalam suasana ekonomi global kerana sifatnya yang sementara selain menyebabkan proses pembelajaran terhenti

”

– Pengerusi MGUT, Datuk Abdul Rahman Maidin

nya dalam satu kenyataan.

MGUT yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, kini dalam proses memantapkan operasi menerusi pelbagai langkah pragmatik dalam usaha memupuk perkongasian tulen antara peniaga Bumiputera de-

ngan bukan Bumiputera.

Sehingga kini, ada 54 syarikat kerjasama tulen di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan MGUT. Bagaimanapun, jumlah itu agak terjejas berikutan kegawatan yang melanda pada akhir 1997.

“MGUT juga akan mem-

perkuat,” katanya.

Ia sekali gus memudahkan syarikat usaha sama tulen yang dibantu MGUT mendapat sokongan diperlukan apabila mereka ingin menembusi pasaran atau bersaing untuk memperolehi kontrak.

Abdul Rahman berkata, adalah menjadi matlamat MGUT untuk membantu mewujudkan ‘Negara Malaysia Yang Bersatu Padu’ dalam menjayakan Wawasan 2020.

Pada masa itu, diharap peniaga Bumiputera dan bukan Bumiputera sudah bekerjasama sepenuhnya menerusi perkongasian tulen yang mana mereka tidak lagi dikenali sebagai syarikat Bumiputera atau bukan Bumiputera sebaliknya sebagai syarikat Malaysia.

perkukuhkan pengurusan operasinya melalui penyertaan tenaga profesional sepenuh masa serta dibantu dengan pengurusan kewangan yang lebih